

550:  
MAHATHIR-UMNO

1976

KUALA LUMPUR, 7 MAC (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MEMBIDAS SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN YANG WALAUPUN TELAH BANYAK MENIKMATI FAEDAH HASIL PERJUANGAN UMNO TETAPI MENKRITIKNYA DENGAN LANTANG.

PERBUATAN INI KATANYA BERLAKU KERANA PIHAK-PIHAK TERSEBUT MASIH BELUM PUASHATI DENGAN SEGALA APA YANG MEREKA TELAH NIKMATI DAN TELAH MELUPAKAN JASA-JASA UMNO.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG UMNO CAWANGAN KAMPUNG SERI MDEDAN (KONGGO) DI SINI BELIAU MENEGASKAN PIHAK-PIHAK TERSEBUT DEMI KEPENTINGAN DIRI MASING-MASING TIDAK LAGI DAPAT MENGENANG JASA-JASA UMNO.

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA BERSYUKUR DENGAN APA YANG TELAH MEREKA NIKMATI DAN SEBALIKNYA BERUSAHA MEMPERKUKUKAN LAGI UMNO.

DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA PERBUATAN PIHAK-PIHAK TERSEBUT JIKA BERTERUSAN AKAN HANYA MERUGIKAN UMNO KERANA IA AKAN MEMECAH-BELAHKAN PARTI.

+LAGIPUN MEREKA PERLU SEDAR BAHAWA TANGGUNGJAWAB UMNO BUKANLAH SAJA TERHADAP MEREKA TETAPI TERHADAP MEMPERJUANGKAN NASIB RAKYAT LAIN YANG MASIH MISKIN DAN MENDERITA,+ TAMBAHNYA. --BERSAMBUNG BY/1456

551:  
MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA SEBALIKNYA HENDAKLAH MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT MISKIN SUPAYA TURUT SAMA MENIKMATI FAEDAH-FAEDAH YANG DIPERJUANGKAN OLEH UMNO.

BELIAU JUGA MENYERU KAUM BUMIPUTRA KHASNYA KAUM BELIA SUPAYA MENGUBAH SIKAP DAN MENSESUAIKAN DIRI SELARAS DENGAN PERUBAHAN DAN PERGOLAKAN YANG BERLAKU DI NEGARA INI.

RAKYAT BUMIPUTRA, KATANYA HENDAKLAH JUGA MENYEDIAKAN DIRI BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENYERTAI USAHA-USAHA MEMAJUKAN BANGSA MEREKA.

TANPA PERSEDIAAN DIRI INI, BUMIPUTRA SUDAH PASTI TIDAK AKAN DAPAT MENIKAMATI SEGALA BANTUAN DAN RANCANGAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA.

DR. MAHATHIR BERKATA SIKAP BARU INI PERLU DISEMAIKAN DI JIWA JENERASI MUDA SUPAYA MEREKA DAPAT MENYERTAI SECARA BERKESAN RANCANGAN-RANCANGAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN. --BERSAMBUNG BY/1459

552:

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, SEGALA BANTUAN DAN RANCANGAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP BUMIPUTRA AKAN TIDAK MENCAPAI KEJAYAAN SEPENUHNYA JIKA MEREKA SENDIRI TIDAK DAPAT MENYEDIAKAN DIRI MENJAYAKANNYA.

MENGENAI KAMPUNG TERSEBUT, DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN AKAN MENYAMPAIKAN SEGALA MASALAH MEREKA KHASNYA MENGENAI PERUMAHAN KEPADA PIHAK BERKUASA.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENEGASKAN SEGALA BANTUAN YANG HENDAK DIBERIKAN KEPADA KAMPUNG SETINGGAN ITU HENDAKLAH DIBUAT SECARA TERATUR DAN BUKAN SECARA SEMENTARA ATAU JANGKA PENDEK.

TANPA PERANCANGAN INI, KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN YANG AKAN DIBAWA KE KAMPUNG ITU KELAK AKAN TIDAK TERATUR DAN SUDAH PASTI MENIMBULKAN BERBAGAI MASALAH LAIN.

SEBELUM ITU, KETUA UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESI, RAJA OTHMAN BIN RAJA JAAFAR DALAM UCAPANNYA BERIKRAR AKAN SENTIASA BERDIRI TEGUH DI BELAKANG KABINET BARU DALAM SEGALA USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA INI. BERSAMBUNG BY/1504

553:

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

KETIBAAN DR. MAHATHIR TELAH DISAMBUUT MERIAH OLEH LEBIH 1,000 ORANG PENDUDUK KAMPUNG TERSEBUT.

BELIAU DIARAK MASUK KE KAMPUNG ITU OLEH SATU PASUKAN KOMPANG SERTA PEMBAWA-PEMBAWA BUNGA MANGGAR SERTA AHLI-AHLI DARI PASUKAN SENI SILAT LINCAH.

SELEPAS MENYAKSIKAN SATU PERTUNJUKAN PERMAINAN SILAT DR. MAHATHIR TELAH MELAWAT SEBUAH KILANG BATIK YANG DIUSAHAKAN OLEH SEORANG PENDUDUK KAMPUNG TERSEBUT.--BERNAMA BY/1505